

Sempena Hari Kualiti dan Inovasi Universiti Malaysia Pahang 2014

Khidmat 130 kakitangan UMP diiktiraf

Oleh SITI NORIZAT
SHIKH ABDUL JALIL
utusanktr@gmail.com

KUANTAN 20 Mei - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengiktiraf khidmat bakti cemerlang 130 kakitangannya sempena penganjuran anugerah Hari Kualiti dan Inovasi di Dewan Astaka, universiti berkenaan di sini baru-baru ini.

Anugerah tersebut melibatkan lapan kategori, antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S), Anugerah Penerbitan, Anugerah Sukan dan Hadiah Harapan Anugerah Kualiti Naib Canselor.

Bagi kategori KIK, Kumpulan Sirec dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) memenangi tempat pertama, diikuti naib johan oleh Kumpulan Easylib dan Jabatan Perpustakaan manakala Kumpulan Conpro (ketiga).

Pejabat Naib Canselor pula memenangi Hadiah Teknologi Komunikasi dan Multimedia (K-Portal) untuk kategori pentadbiran manakala Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanu-



DAING Nasir Ibrahim (tengah) bersama kakitangan Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa yang dinobatkan penerima Hadiah Harapan Anugerah Kualiti Naib Canselor sempena Hari Kualiti dan Inovasi 2014 UMP di Kuantan baru-baru ini.

siaan mengundi kategori akademik dengan masing-masing membawa pulang sijil dan RM2,000.

Hadiah Penerbitan bagi Karya Asli Terbaik UMP dimenangi pasangan Profesor Madya Dr. Zularisam Ab.

Wahid dan Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dengan tajuk buku *Enzymatic Membrane Reactor For Fine Chemical*.

Pengurus Pasukan Hoki Lelaki iaitu Hazami Che Hussain turut ce-

merlang apabila menerima Anugerah Sukan, manakala Hadiah Harapan Anugerah Kualiti Naib Canselor dimenangi Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa yang menerima sijil penghargaan dan RM5,000.

Ketika berucap dalam majlis tersebut, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, majlis penghargaan yang diadakan setiap tahun itu sebagai galakan memupuk budaya kerja cemerlang ber-

dasarkan tiga petunjuk utama iaitu kualiti, inovasi dan kreativiti.

"Tanggungjawab dalam melaksanakan agenda Pelan Strategik UMP menyaksikan segala komitmen, kesungguhan dan peranan bukannya semata-mata terbatas kepada kumpulan pengurusan atau peringkat pelaksanaan tertentu sahaja.

"Malahan, ini bersifat holistik kepada semua kumpulan pengurusan dan peringkat pelaksanaan iaitu para akademik dan birokrat, kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional serta pelaksana, merentasi semua skim perkhidmatan dan grad jawatan," ujarnya.

Tambahnya, pemarkahan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dalam kalangan warga kerja turut merangkumi aspek sumbangan kepada Bidang Keberhasilan Utama (KRA) universiti sebagai kriteria penilaian.

"Oleh kerana persepsi umum terhadap universiti ini telah distrukturkan dalam pelbagai bentuk standard penilaian, maka keupayaan untuk menyelenggara satu sistem penyampaian yang efektif dan fasilitatif merupakan antara faktor yang kritikal untuk diberi perhatian," jelasnya.